

# Teliti pendaftaran, jejak trafik Sugarbook

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sedang menjalankan siasatan ke atas aplikasi *Sugarbook* yang didakwa mempromosikan gaya hidup tidak bermoral.

Pengerusinya, Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek, berkata siasatan kini menjurus untuk mengenal pasti sama ada aplikasi itu berdaftar di Malaysia atau ia hanya diguna pakai di negara ini, sebelum tindakan lanjut dilakukan.

Katanya, tiada had masa ditetapkan bagi siasatan terabit, selain pihaknya perlu meneliti aspek pengesanan trafik penggunaan aplikasi itu dan beberapa skop lain secara menyeluruh.

Beliau berkata, siasatan ber-

kenaan akan diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) jika mendapati aplikasi terabit mempromosi aktiviti pelacuran kerana SKMM tidak mempunyai peruntukan dalam perkara sedemikian.

"Kita boleh ambil tindakan undang-undang ke atas aplikasi ini jika ia berdaftar di Malaysia dan mempunyai transaksi (berkaitan gaya hidup tidak bermoral) yang betul-betul berlaku.

"SKMM tidak boleh bersandarkan kepada dakwaan semata-mata kerana ia berkemungkinan tidak betul," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau mengulas peningkatan jumlah mahasiswa di Lembah Klang yang didakwa menggunakan aplikasi tidak bermoral.

kenaan akan diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) jika mendapati aplikasi terabit mempromosi aktiviti pelacuran kerana SKMM tidak mempunyai peruntukan dalam perkara sedemikian.

Statistik menunjukkan seramai 12,705 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) berdaftar dengan aplikasi *Sugarbook* bagi mencari *sugar daddy*, iaitu peningkatan lebih 40 peratus pendaftaran pengguna baharu diperdayai akibat desakan hidup ketika COVID-19.

Baru-baru ini, Malaysia dilaporkan berada pada kedudukan ketiga tertinggi di Asia, selepas India dan Indonesia bagi negara mempunyai bilangan *sugar daddy* paling ramai melalui aplikasi *Sugarbook*, yang menyediakan platform mencari perempuan simpanan atau lebih dikenali sebagai *sugar baby*.

Mengenai desakan supaya aplikasi itu disekat, beliau berkata, SKMM perlu mempunyai asas kukuh berpaduan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, sebelum sebarang tindakan boleh dibuat.

Beliau berkata, pihaknya perlu mengenal pasti kandungan aplikasi itu yang boleh menyebabkan tindakan diambil, sama ada ia mempromosi aktiviti pelacuran, menghasut atau sebagainya.

"Kita juga perlu meneliti sama ada *Sugarbook* mematuhi aspek kod kandungan disediakan kepada industri atau aplikasi ini menyentuh kandungan berkaitan 3R (institusi raja, perkauman dan agama)," katanya.